



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Drug Control Authority  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Rujukan : bil.(65)dlm.BPFK/02/5/1.3

Tarikh : - 6 NOV 2006

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

Tuan,

**PERKARA : KEPUTUSAN MESYUARAT PBKD**

**PERNYATAAN AMARAN PADA SISIP BUNGKUSAN BAGI SEMUA PRODUK YANG MENGANDUNGI ACE-INHIBITORS SEBAGAI BAHAN TUNGGAL ATAU KOMBINASI**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 186 yang telah diadakan pada 19hb. Oktober 2006 mengenai perkara di atas.

2. PBKD telah memutuskan agar amaran berkaitan kesan advers kepada wanita hamil akibat penggunaan ACE Inhibitors wajib untuk dimuatkan pada sisip bungkusan bagi semua produk yang mengandungi ACE Inhibitors sebagai bahan tunggal ataupun kombinasi dengan bahan lain.
3. Amaran yang perlu dimuatkan pada sisip bungkusan pada bawah bahagian "Warning" dan "Use in Pregnancy" adalah seperti berikut :

**"INCREASED RISK OF BIRTH DEFECTS, FETAL AND NEONATAL MORBIDITY AND DEATH WHEN USED THROUGHOUT PREGNANCY "**

4. Pemegang pendaftaran produk adalah diminta mematuhi arahan ini.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
**" UTAMAKAN KUALITI, EFIGASI DAN KESELAMATAN "**

Saya yang menurut perintah,

(SELVARAJA SEERANGAM)

Setiausaha  
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k. 1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Bhg. Farmasi, KKM  
2. Ketua Pusat Pembangunan Organisasi (PPO), BPFK



3. Ketua Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP), BPFK
4. PhAMA
5. MOPI
6. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBA TAMA)
7. Presiden, Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia
8. Presiden, Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
9. Presiden, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)
10. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia.